

Sabah hab pelancongan sumber ekonomi BIMP-EAGA

» Kedudukan strategik, kemudahan lapangan terbang tarik warga asing

14 10-07-2012 2

Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah

thaddius@bharian.com.my

► Kota Kinabalu

Sabah berada di kedudukan paling strategik untuk dijadikan hab pelancongan sebagai sumber ekonomi utama Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur- Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Lokasinya di tengah-tengah rantau BIMP-EAGA dengan diapit Sarawak dan Brunei di barat daya, Kalimantan di selatan, Mindanao dan Palawan di utara serta Sulawesi di bahagian timur amat sesuai dijadikan pusat kedatangan pelancong ke rantau ini.

Kelebihan itu disokong kemudahan lapangan terbang bertaraf antarabangsa moden dengan rekod aliran trafik udara antara yang tertinggi di BIMP-EAGA, selain perkhidmatan udara sedia ada menghubungkan negeri ini dengan wilayah dalam rantau berkenaan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Masidi Manjun, berkata faktor itu wajar diam-



“**Sektor pelancongan, adalah satu-satunya sektor ekonomi boleh dibangunkan secara bersama oleh negara di rantau ini dan berpotensi menggalakkan pertumbuhan kawasan berkenaan**”

Masidi Manjun,
Menteri Pelancongan,
Kebudayaan dan Alam
Sekitar negeri

pai.

Sektor pelancongan, katanya adalah satu-satunya sektor ekonomi boleh dibangunkan secara bersama oleh negara di rantau ini dan berpotensi

bil kira dan diterima semua negara bagi memastikan agenda membangu n k a n pelancongan sebagai kegiatan ekonomi u t a m a BIMP-EAGA dapat dica-

mengalakkan pertumbuhan kawasan berkenaan.

“Faktor kekuatan ekonomi BIMP-EAGA ialah sektor pelancongan tetapi kita perlu mewujudkan hab untuk memudahkan pelancong mengunjungi rantau ini dan Kota Kinabalu sesuai untuk tujuan itu.

“Kita sedar semua negara mahu jadi hab tetapi apabila berbicara mengenai kerjasama serantau, kita bukan bercakap mengenai Sabah, Sarawak, Brunei atau Filipina saja tetapi bersuara sebagai satu blok negara di rantau ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan BIMP-EAGA (BEC 2012) anjuran Unit

Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah; Presiden Palawan State University, Filipina, Dr Jeter Sespene; Canselor Mindanao State University, Filipina, Dr Sukarno D Tanggol dan wakil Pegawai Kanan BIMP-EAGA dari Brunei, Indonesia serta Malaysia.

Sempena majlis itu, UMS turut memeterai memorandum kerjasama (MoU) dengan Palawan State University dan Mindanao State University bagi meningkatkan kerjasama akademik berkaitan bidang ekonomi.

Masidi (dua dari kanan) menerima cenderamata daripada Mohd Harun Abdullah (dua dari kiri) selepas merasmikan Persidangan BIMP-EAGA (BEC 2012).